



**MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI**

**BANDARAYA PELANCONGAN**

**GARIS PANDUAN BAGI PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN TRED / IKLAN / ESTABLYSMEN MAKANAN DAN KOMPOSIT**

**EDISI : APRIL 2021**

**JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN  
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN  
07000 LANGKAWI, KEDAH  
TEL: 04-9666185  
FAKS: 04-9671773**

## **PENGENALAN / LATAR BELAKANG**

### **1. Objektif / Tujuan Pelesenan**

- 1) Melaksanakan penambahbaikan bagi mengurangkan masalah dan isu-isu yang menjadi halangan kepada orang awam dalam proses memulakan peniagaan.
- 2) Meningkatkan penyampaian perkhidmatan sector awam ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif dan kompetitif di negara ini.
- 3) Mengenal pasti sistem perkhidmatan yang tidak teratur dan birokrasi yang sering dihadapi oleh komuniti perniagaan.

### **2. Apa yang dilesen/skop pelesenan**

#### **1.0 Lesen Berisiko Tinggi**

Pelesen yang menjalankan aktiviti perniagaan yang menyebabkan kacauganggu kemudaratan dan boleh menimbulkan kesentosaan kepada premis bersebelahan dan kawasan persekitaran secara amnya.

#### **2.0 Lesen Tidak Berisiko Tinggi**

Pelesen yang menjalankan aktiviti perniagaan yang tidak menyebabkan kacauganggu kemudaratan dan tidak menimbulkan kesentosaan kepada premis bersebelahan dan kawasan persekitaran secara amnya.

#### **3.0 Lesen Kadar Sementara**

Lesen Kadar Sementara hanya dikeluarkan untuk premis perniagaan yang belum mendapat kelulusan Sijil Layak Menduduki tetapi mempunyai kelulusan Pelan Bangunan atau Permit Bangunan Sementara. Bayaran lesen perniagaan akan dikenakan dua kali ganda daripada kadar biasa. Lesen Kadar Sementara ini dikeluarkan dengan syarat-syarat seperti berikut: -

- 3.1 Pemilik premis dikehendaki mengemukakan permohonan untuk mendapatkan Sijil Layak Menduduki kepada Majlis.
- 3.2 Lesen tetap akan diberi sekiranya syarat-syarat di para 3.1 dipatuhi sepenuhnya.

#### **4.0 Sekatan Atau Pengecualian Atau Pembekuan (jika ada)**

- 3.1 Tiada kelulusan pelan bangunan
- 3.2 Tiada Permit Bangunan Sementara



## **5.0 Asas Perundangan/Punca Kuasa**

- 1) Undang-Undang Kecil Trade bagi Perniagaan Hotel (Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan) Pindaan 2012
- 2) Undang-Undang Kecil Lesen Pusat Kecantikan dan Pusat Penjagaan Kesihatan (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah) 2019
- 3) Undang-Undang Kecil (Ski Jet dan Skuter Air) Majlis Daerah Langkawi 1996
- 4) Undang-Undang Kecil Perlesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (Majlis Daerah Langkawi) 1995
- 5) Undang-Undang Kecil Perlesenan Establishmen Makanan (Majlis Daerah Langkawi) 1990
- 6) Undang-Undang Kecil Perlesenan Anjing (Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan) 2009
- 7) Undang-Undang Kecil Iklan (Penguasa-penguasa Tempatan) Negeri Kedah
- 8) Undang-Undang Kecil Perlesenan Perdagangan, Perniagaan, dan Perusahaan (Pihak-pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah 1985

## **KEPERLUAN PEMATUHAN**

### **6.0 Syarat/Keperluan Pematuhan SEBELUM Permohonan**

#### **6.1 Syarat Pemohon**

- 6.1.1 Pemohon mestilah warganegara Malaysia
- 6.1.2 Berumur 18 tahun ke atas.

#### **6.2 Syarat Premis Perniagaan**

- 6.2.1 Premis mempunyai kelulusan Pelan Bangunan dan Memperolehi Sijil Layak Menduduki (CFO) atau Sijil Perakuan Pematuhan (CCC) atau Permit Sementara Bangunan dan disahkan selamat untuk aktiviti perniagaan.
- 6.2.2 Premis mendapat surat sokongan kawalan dan pencegahan kebakaran daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Daerah



## **7.0 Syarat/ Keperluan Pematuhan SELEPAS Kelulusan**

### **LESEN PREMIS PERNIAGAAN: SYARAT & PERATURAN**

#### **A) SYARAT-SYARAT AM**

- 1) Lesen premis perniagaan hendaklah sentiasa dipamerkan ditempat yang mudah dilihat dan ditunjukkan kepada mana-mana Pegawai Majlis yang diberi kuasa apabila diminta berbuat demikian.
- 2) Lesen Premis Perniagaan yang telah diluluskan tidak boleh dipindah milik tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Majlis. Pertukaran pemegang lesen atau nama syarikat yang baru perlu dibuat dengan cara mengemukakan permohonan tukar nama pemegang lesen menggunakan borang yang telah ditetapkan kepada Majlis.
- 3) Premis perniagaan tidak boleh digunakan sebagai penginapan persendirian tanpa kebenaran majlis.
- 4) Pemegang lesen tidak dibenarkan menukar atau menambah aktiviti perniagaan yang telah dilesenkan tanpa kebenaran Majlis. Sebarang pertukaran atau penambahan aktiviti perlu dibuat dengan cara mengemukakan permohonan tambah atau tukar aktiviti kepada Majlis.
- 5) Pegawai Pelesen/Pegawai Yang Diberi Kuasa boleh memasuki dan memeriksa mana-mana tempat atau premis yang digunakan atau percaya dengan munasabah premis digunakan bagi maksud tred, perniagaan dan perindustrian.
- 6) Lesen berkuat kuasa dari tarikh pembayaran lesen / cetakan berkomputer sehingga tarikh tamat lesen yang tercatat pada lesen perniagaan.
- 7) Sebarang aktiviti membuat dan memproses hanya boleh dijalankan di premis yang berstatus industri atau kilang sahaja kecuali mendapat kelulusan daripada Majlis.
- 8) Pemegang lesen hendaklah memastikan terdapat pencahayaan dan pengudaraan yang mencukupi di premis perniagaan.
- 9) Premis yang diubahsuai hendaklah mendapat kelulusan Majlis berkaitan aktiviti perniagaan yang dijalankan dan sentiasa mematuhi peraturan keselamatan dan peraturan-peraturan lain yang berkenaan.
- 10) Menyediakan alat pemadam api yang tidak tamat tempoh.
- 11) Menyediakan kotak pertolongan cemas yang sentiasa dilengkapi dengan ubat-ubatan dan tidak tamat tempoh.
- 12) Dilarang menyimpan dan membenarkan haiwan peliharaan dan haiwan terbiar di dalam premis perniagaan (tidak tertakluk kepada perniagaan kedai haiwan peliharaan/kesayangan).



- 13) Menyediakan kemudahan tandas yang berkeadaan baik dan bersesuaian mengikut keperluan serta kebersihannya perlu sentiasa dijaga.
- 14) Menyediakan tong sampah yang mencukupi dan bertutup.
- 15) Menjaga dan memastikan sistem perparitan dan saliran berfungsi dengan sempurna.
- 16) Semua bahan-bahan yang tidak digunakan perlu diuruskan dengan baik dan dibuang ditempat yang dibenarkan sahaja.
- 17) Mengamalkan amalan pengasingan sampah (3R - Reuse, Reduce, Recycle).
- 18) Memastikan sebarang efluen atau kumbahan disalurkan melalui alat perangkap sisa makanan / minyak yang disediakan sebelum disalurkan ke saluran kumbahan atau tangki najis. Alat tersebut perlu sentiasa diselenggara dan berfungsi dengan sempurna pada setiap masa operasi perniagaan dijalankan.
- 19) Dilarang melakukan pembakaran terbuka dan menyebabkan pencemaran alam sekitar serta kacau ganggu awam
- 20) Tidak memberi kacau ganggu kepada deria penglihatan, bau atau pendengaran yang mungkin memudaratkan atau membahayakan kesihatan atau harta masyarakat setempat.
- 21) Dilarang meletakkan barang-barang atau benda-benda lain untuk jualan di laluan awam kecuali mendapat kelulusan dari Majlis
- 22) Dilarang menghalang jalan-jalan sisi, lorong belakang dan tepi jalan.
- 23) Halangan atau rintangan di pintu masuk / pintu keluar tidak dibenarkan. Tidak dibenarkan membuat apa-apa sambungan binaan di luar dari premis asal atau binaan yang menutup longkang tanpa kebenaran Majlis.
- 24) Sekiranya terdapat ubahsuai yang melibatkan sekatan dinding, sengkuap (awning), tanjakan (ramp) dan pecahan dinding hendaklah mendapat kelulusan Majlis.
- 25) Sekiranya terdapat ubahsuai yang melibatkan binaan penutup longkang, pemilik premis hendaklah mendapat kelulusan Majlis dengan membina 'Mild Steel Grating' atau bahan-bahan yang bersesuaian untuk memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan. Menutup keseluruhan longkang adalah tidak dibenarkan.
- 26) Kegagalan Pemegang Lesen mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan boleh DIBATALKAN lesen tanpa diberikan apa-apa sebab.
- 27) **TINDAKAN PENGUATKUASAAN** dan **PERUNDANGAN** boleh dikenakan kepada mana-mana individu/ syarikat / pemegang lesen yang melanggar dan tidak mematuhi mana-mana peruntukan undang undang.



- 28) Mematuhi syarat-syarat Jabatan Keselamatan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan lain-lain pihak berkuasa yang berkaitan.

**B) SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PERNIAGAAN PENYEDIAAN & PENGENDALIAN MAKANAN DAN MINUMAN**

- 1) Semua pengendali makanan dan minuman termasuk pekerja diwajibkan menghadiri Kursus Pengendalian Makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis dan mendapatkan suntikan pelalian Typhoid.
- 2) Pemegang lesen perlu mengemukakan kad suntikan terkini dan sijil pengendalian makanan/ kad kesihatan semasa permohonan dan semasa pembaharuan lesen.
- 3) Aktiviti perniagaan berkaitan makanan yang dijalankan hendaklah terletak di kawasan yang dibenarkan oleh Majlis.
- 4) Bilangan dan kedudukan gerai di dalam sesebuah premis makanan hendaklah sebagaimana yang diluluskan oleh Majlis.
- 5) Hendaklah memohon permit daripada Majlis bagi meletak kerusi meja diluar premis yang terhad hanya di siarkaki sahaja / tertakluk kepada kelulusan Majlis. Kelulusan hanya untuk kegunaan pelanggan sahaja.
- 6) Menjadi tanggungjawab untuk memastikan sijil penggredan premis makanan dipamerkan di tempat yang mudah dilihat oleh pelanggan.
- 7) Dinding di seluruh kawasan premis hendaklah dipasang dengan jubin atau apa-apa bahan lain yang mudah dibersihkan sekurang kurangnya 1.5 meter (5 kaki) dari paras lantai.
- 8) Lantai di seluruh kawasan premis hendaklah dipasang dengan Jubin atau apa-apa bahan lain yang mudah dibersihkan dan dari jenis '*non-slip*'
- 9) Dilarang melakukan sebarang aktiviti mencuci atau memasak di luar premis perniagaan.
- 10) Stall, rak makanan, dan peralatan tidak dibenarkan diletak atau disimpan di lorong belakang, kaki lima, siarkaki atau di lorong tepi premis.
- 11) Pemilik premis makanan hendaklah menyediakan 'exhaust fan / lain lain fan' yang bersesuaian dan mencukupi serta mematuhi syarat syarat dan keperluan teknikal yang ditetapkan oleh Majlis. Corong asap tidak dibenarkan dipasang mengarah ke bawah atau ke dalam longkang.
- 12) Mengadakan stor yang mencukupi untuk penyimpanan bahan mentah yang kering. Penyimpanan bahan mentah yang kering hendaklah di atas rak bertingkat supaya bahagian bawah rak bertingkat bebas dari paras lantai.
- 13) Premis makanan dan stor hendaklah bebas dari lalat/lipas/tikus dan serangga dan haiwan yang seumpamanya urungan



- 14) Mana-mana premis makanan yang diarahkan oleh Majlis perlu melantik satu syarikat kawalan serangga perosak ('Pest Control') yang bertanggungjawab melakukan kerja-kerja kawalan supaya dapat mencegah pembiakan dan premis sentiasa bebas dari urungan lipas/lalat/tikus dan serangga ataupun hendaklah menyediakan jadual rawatan pencegahan lipas/lalat/tikus dan serangga.
- 15) Mengadakan kemudahan tandas yang mencukupi. Tandas hendaklah dijaga supaya sentiasa dalam keadaan bersih dan tidak berbau busuk. Tandas juga hendaklah dilengkapi kemudahan mencuci tangan serta menyediakan kemudahan berikut:
- bekalan sabun cecair
  - tisu
  - tong sampah bertutup
- 16) Mengadakan sinki cuci tangan dengan bekalan sabun cecair dan tisu untuk kegunaan pelanggan.
- 17) Mengadakan tong sampah bertutup yang mencukupi. Sampah dan sisa makanan hendaklah diisi ke dalam beg plastik yang diletak ke dalam tong sampah supaya tidak bersepeh di kawasan premis.
- 18) Dilarang membuang sampah dan sisa makanan ke atas lantai atau ke dalam longkang.
- 19) Dilarang membuang sisa makanan dan sisa minyak ke dalam saliran perparitan awam. Perlu memasang alat perangkap sisa makanan & minyak (grease trap) yang menepati standard dan piawaian yang ditetapkan oleh Majlis.
- 20) Pemegang lesen dilarang mengambil pekerja dari rakyat asing atau bukan warganegara kecuali mendapat kebenaran daripada Jabatan Imigresen. Pekerja asing ini perlu mendapatkan suntikan pelalian Typhoid dan mematuhi keperluan syarat dan peraturan yang dikuatkuasa oleh agensi-agensi berkaitan.
- 21) Semua pengendali makanan dan minuman termasuk pekerja hendaklah sentiasa berpakaian bersih dan kemas, memakai apron, topi dan berkasut.
- 22) Semua pengendali makanan dan minuman termasuk pekerja perlu menjaga kebersihan diri seperti memotong kuku, berambut pendek (lelaki) dan perempuan sekiranya panjang perlu diikat kemas.
- 23) Pengusaha premis makanan hendaklah mengadakan jadual pembersihan. Jadual pembersihan perlu dipamerkan di premis perniagaan.
- 24) Bagi restoran yang beroperasi 24 jam perlu menutup premis selama sekurang-kurangnya 1 jam sehari untuk tujuan pembersihan.
- 25) Jika pihak berkuasa berkenaan mendapati/mengesahkan terdapat Premis yang bukan dimiliki oleh orang Islam, untuk ada menggantung atau mempamerkan apa-apa pameran yang boleh



- mengelirukan umat Islam seperti ayat-ayat kaligrafi Al-Quran atau grafik-grafik yang melambangkan agama Islam, Majlis boleh membatalkan lesen premis perniagaan
- 26) Premis hendaklah mempamerkan logo HALAL yang sah diktiraf oleh JAKIM sahaja, bagi premis yang menyediakan menu TIDAK HALAL perlu mempamerkan notis 'NON HALAL'.
  - 27) Menggunakan sumber air yang selamat, terawat dan dibenarkan.

**C) SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PERNIAGAAN / PERINDUSTRIAN / BENGKEL**

- 1) Memastikan bahan-bahan atau larutan yang mudah terbakar hendaklah disimpan dalam bekas bertutup, dan hendaklah disimpan mengikut cara dan keadaan yang dapat mencegah kebocoran bahan-bahan berbahaya.
- 2) Penggunaan tanjakan ('ramp') mudah alih adalah dibenarkan dan perlu mengemukakan permohonan kepada Jabatan Bangunan.
- 3) Penyewaan petak letak kereta khas dibenarkan mengikut kelulusan Majlis.
- 4) Kemasan dinding dalam stor permis hendaklah dari bahan kalis air yang senang dicuci.
- 5) Barang bukan makanan (jika ada) tidak dibenarkan disimpan / distorkan di tempat yang sama dengan makanan / minuman. Simpanan / penstoran bahan kimia / toksid dan lain-lain bahan yang bahaya atau boleh mencemarkan makanan dan minuman tidak dibenarkan sama sekali disimpan di dalam gudang makanan / minuman.
- 6) Semua barang-barang gudang hendaklah disusun dengan kemas, teratur, bersih dan selamat di atas rak-rak daripada bahan yang tidak mudah berkarat, plastik yang tahan lama atau pallet kayu yang kuat dan senang dibersihkan.
- 7) Bahan makanan dan minuman di gudang tidak boleh terdedah dan hendaklah dilabelkan serta dibungkus di dalam bungkusan seperti kotak, tin, botol, beg plastik dan sebagainya yang sempurna dan bersih atau dengan bahan yang tidak boleh mencemarkan makanan / minuman.
- 8) Bagi gudang atau stor penyimpanan bahan-bahan makanan dan minuman perlu mengemukakan Sijil Pest Control terkini semasa pemeriksaan.
- 9) Bahan-bahan simpanan merbahaya atau berjadual perlulah mendapat kelulusan daripada agensi-agensi berkaitan.
- 10) Tidak mengeluarkan bunyi bising yang boleh menyebabkan kacau ganggu kepada orang awam.



**D) SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PUSAT HIBURAN - KELAB MALAM / PUB / DISKO / PUSAT ISTIREHAT / PUSAT HIBURAN KELUARGA / KARAOKE**

- 1) Semua Pusat Hiburan hendaklah menghadkan operasi 9.00 pagi sehingga jam 1.00 pagi (Hari Biasa) dan 9.00 pagi sehingga 2.00 pagi (Hari Sabtu sahaja) dan operasi perlu dihentikan pada setiap Khamis malam Jumaat.
- 2) Pengunjung di bawah umur 18 tahun tidak dibenarkan memasuki mana-mana Pusat Hiburan kecuali Pusat Hiburan Keluarga dan perlu disertai ibu bapa atau penjaga yang sah.
- 3) Mematuhi semua syarat-syarat di dalam Enakmen Hiburan & Tempat Tempat Hiburan dan Peraturan-Peraturan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan yang berkaitan.
- 4) Jika Pihak Berkuasa Berkenaan mendapati pada bila-bila masa jika berlaku mana-mana perlanggaran syarat atau sekatan atau mana mana peruntukan Enakmen Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan, Peraturan- peraturan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan atau mana-mana peraturan yang berkaitan dibuat di bawahnya, Majlis boleh membatalkan lesen premis perniagaan.
- 5) Tiada hiburan berbentuk lucah dan ganas boleh diadakan di tempat hiburan.
- 6) Tidak dibenarkan mana-mana orang membawa masuk, mengedar, menjual, mengambil dan menghisap dadah atau bahan terlarang ditempat hiburan.
- 7) Tiada bir atau minuman yang memabukkan dihidangkan atau diminum di dalam tempat hiburan melainkan suatu lesen minuman keras telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.
- 8) Memastikan tiada sebarang pertaruhan, loteri atau perjudian diadakan.
- 9) Tidak dibenarkan mana-mana orang membawa apa-apa senjata di dalam apa juu bentuk di dalam tempat hiburan.
- 10) Pusat hiburan mestilah menutup tempat kepada semua pelanggan dan menamatkan segala aktiviti termasuk aktiviti jualan minuman. makanan dan muzik tepat pada masa tutup yang ditetapkan.
- 11) Semua pencahayaan mestilah ditutup pada waktu operasi tamat.
- 12) Notis hendaklah dipamerkan di pintu masuk sebelah luar. Contoh Notis "Orang yang berumur di bawah 18 tahun dilarang masuk"
- 13) Pusat karaoke yang mempunyai bilik-bilik khas atau sekatan- sekatan di dalamnya perlu mendapatkan kelulusan pengubahsuaian dari Jabatan Bangunan, pintu hendaklah mempunyai cermin dan dinding kalis bunyi. Pintu tidak boleh berkunci sepanjang masa beroperasi.
- 14) Jarak kedudukan premis mestilah di kawasan yang telah di zonkan dan tidak kurang dari 100 meter dari sekolah, institusi pendidikan, kawasan perumahan, institusi agama, kompleks kerajaan atau lain-lain kawasan yang dianggap sensitif oleh Majlis.



- 15) Tiada Pegawai Perhubungan Pelanggan (GRO) dibenarkan di dalam premis hiburan.
- 16) Lain-lain sekatan dan syarat yang dikemukakan oleh pihak Majlis dari semasa ke semasa.
- 17) Tidak dibenarkan merokok di dalam pusat hiburan.
- 18) Penggunaan CCTV.
- 19) Pengunjung perlu memakai pakaian yang sopan di pusat hiburan.

**E) SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PUSAT RAWATAN KECANTIKAN**

- 1) Memastikan perkakas dan alatan sentiasa dicuci dan direndam dalam 'disinfecting solution'.
- 2) Pengusaha dan pekerja terlibat wajib menjalani ujian saringan HIV/penyakit berjangkit oleh Jabatan Kesihatan dan disahkan bebas daripada penyakit tersebut dan semua pekerja yang memberi rawatan hendaklah lulus pemeriksaan kesihatan iaitu ujian darah, urin dan x-ray oleh pegawai perubatan.
- 3) Pekerja yang memberi rawatan hendaklah mendapatkan suntikan Typhoid sekiranya melibatkan aktiviti penyediaan makanan dan minuman.
- 4) Pemeriksaan kesihatan perlu dijalankan pada setiap kali pembaharuan lesen.
- 5) Pekerja hendaklah berpakaian seragam yang bersih, sopan dan tidak mencolok mata.
- 6) Semua pekerja-pekerja hendaklah memakai tag nama.
- 7) Pemilik dan pengunjung tidak dibenarkan memasak atau membawa masuk makanan kecuali di tempat khas yang disediakan.
- 8) Pengasingan jantina bagi perkhidmatan di pusat rawatan kecantikan.

**F) SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PUSAT PENJAGAAN KESIHATAN - PUSAT URUT & REFLEKSOLOGI**

- 1) Dinding hadapan premis dan pintu masuk premis pusat penjagaan kesihatan hendaklah terdiri daripada cermin telus cahaya dan permukaan cermin tersebut hendaklah bebas dari sebarang pelekat, poster, 'tinted' atau apa-apa yang boleh menghalang pandangan. Pintu hendaklah tidak dikunci semasa waktu perniagaan.
- 2) Pusat Penjagaan Kesihatan hendaklah berkonsep terbuka. Walaubagaimanapun, pemegang lesen dibenarkan memasang tirai yang berukuran bermula 2 kaki dari paras lantai dan tinggi tidak melebihi 6 kaki. Walau bagaimanapun bagi penutupan tirai melebihi syarat di atas hendaklah mendapat kelulusan Majlis.
- 3) Pemohon tidak dibenarkan membuat apa-apa sekatan (partition) samada berbentuk kekal (konkrit) atau separuh kekal (gypsum board).



- 4) Bagi urut refleksologi hanya dibenarkan meletakkan kerusi urut sahaja.
- 5) Pemegang lesen dilarang mempamerkan bahan luah dalam premis urut atau sekitarnya dan papan tanda hendaklah dipamerkan pada setiap masa di tempat yang mudah dilihat di luar premis.
- 6) Rekod yang mengandungi nama, no. kad pengenalan/passport, alamat kediaman, gambar dan butiran yang berkaitan dengan pekerja dan tukang urut hendaklah disediakan dan sentiasa dikemaskini.
- 7) Pemegang lesen tidak dibenarkan mengambil pekerja berumur di bawah 18 tahun.
- 8) Pekerja yang memberi rawatan urutan hendaklah lulus pemeriksaan kesihatan oleh pegawai perubatan.
- 9) Pengusaha dan pekerja terlibat wajib menjalani ujian saringan HIV/penyakit berjangkit oleh Jabatan Kesihatan dan disahkan bebas daripada penyakit tersebut.
- 10) Pekerja dan tukang urut hendaklah berpakaian seragam yang bersih, sopan dan tidak mencolok mata.
- 11) Semua pekerja-pekerja hendaklah memakai tag nama.
- 12) Tukang urut wanita hanya dibenarkan mengurut pelanggan wanita dan tukang urut lelaki hanya dibenarkan mengurut pelanggan lelaki.

**G) SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PUSAT PENJAGAAN KESIHATAN –SPA**

- 1) Pemohon dibenarkan mengadakan bilik-bilik rawatan.

**H) SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PUSAT PENJAGAAN KESIHATAN - BUKAN PUSAT URUT**

- 1) Dinding hadapan premis dan pintu masuk premis pusat penjagaan kesihatan hendaklah terdiri daripada cermin telus cahaya dan permukaan cermin tersebut hendaklah bebas dari sebarang pelekat, poster, 'tinted' atau apa-apa yang boleh menghalang pandangan. Pintu hendaklah tidak dikunci semasa waktu perniagaan.
- 2) Pemohon tidak dibenarkan membuat apa-apa sekatan (partition) samada berbentuk kekal (konkrit) atau separuh kekal (gypsum board). Walaubagaimanapun, partition boleh dipertimbangkan dengan syarat terdapat kelulusan pihak Majlis.
- 3) Reka bentuk bilik rawatan hendaklah mengikut konsep terbuka dan mestilah mempunyai cahaya dan pengudaraan yang sempurna dan mencukupi.
- 4) Pemegang lesen dilarang mempamerkan bahan luah dalam premis urut atau sekitarnya dan papan tanda hendaklah dipamerkan pada setiap masa di tempat yang mudah dilihat di luar rumah urut.



- 5) Satu buku daftar pekerja yang mengandungi nama, no. kad pengenalan/passport, alamat kediaman, gambar dan butiran yang berkaitan hendaklah disediakan dan sentiasa dikemaskini.
- 6) Pekerja yang berumur di bawah 18 tahun tidak dibenarkan.
- 7) Pekerja yang memberi rawatan hendaklah lulus pemeriksaan kesihatan oleh pegawai perubatan dan mempunyai Sijil Pengamal Perubatan (jika berkaitan).
- 8) Pengusaha dan perkerja terlibat wajib menjalani ujian saringan HIV/penyakit berjangkit oleh Jabatan Kesihatan dan disahkan bebas daripada penyakit tersebut.
- 9) Pekerja hendaklah berpakaian seragam yang bersih, sopan dan tidak mencolok mata.
- 10) Semua pekerja-pekerja hendaklah memakai tag nama.

**I) SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI AKTIVITI PUSAT SIBER & KAFE SIBER**

- 1) Semua pusat siber & kafe siber hendaklah menghadkan operasi 8.00 pagi sehingga jam 12.00 malam.
- 2) Pusat Siber / kafe siber hanya dibuka kepada pengunjung berumur 12 tahun ke atas. Walau bagaimanapun mereka yang berumur di bawah 12 tahun dibenarkan mengunjungi pusat siber/siber kafe dengan ditemani oleh ibu bapa / penjaga dan hanya dibenarkan berada di dalam premis sehingga pukul 10.00 malam.
- 3) Dilarang membenarkan pelajar yang memakai pakaian seragam sekolah berada di dalam premis.
- 4) Premis perlulah terbuka dengan sistem pencahayaan yang terang dan pengudaraan yang mencukupi.
- 5) Dilarang menggunakan cermin gelap dan perlu berada ditingkat bawah sahaja.
- 6) Penjualan minuman keras dan rokok adalah dilarang sama sekali.
- 7) Tidak dibenarkan menjalankan kegiatan/aktiviti yang menyalahi peraturan seperti perjudian, muatturun bahan lucah, aktiviti berbentuk hiburan dll.
- 8) Tidak menimbulkan kacau ganggu kepada masyarakat setempat.
- 9) Pemilik lesen tidak dibenarkan menggajikan pekerja warga asing.
- 10) Pintu depan tidak dibenarkan berkunci sepanjang operasi perniagaan

**J) SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI LESEN PAPAN IKLAN**

- 1) Permohonan untuk lesen iklan premis hendaklah mematuhi Undang-undang Kecil Iklan Majlis dan syarat-syarat yang berkaitan.
- 2) Iklan atau papan tanda tidak boleh dipasangkan sebelum lesen diperolehi.
  - a) Gambar kedudukan iklan



- b) Pelan lokasi dimana iklan akan dipasang
  - c) Nama dan tandatangan pemohon
  - d) Cap Perniagaan
- 3) Permit struktur daripada Jabatan Kejuruteraan dan Bangunan PBT adalah perlu jika iklan yang didirikan mempunyai struktur hingga ke bumbung bangunan. Iklan yang menutup tingkap dan bersaiz besar hanya dibenarkan dengan kelulusan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- 4) Bahasa Kebangsaan hendaklah digunakan dalam semua iklan sama ada secara sendiri atau dengan bahasa-bahasa lain. Jika digunakan bersama bahasa lain, perkataan dalam Bahasa Kebangsaan hendaklah separuh lebih besar daripada bahasa lain, diutamakan dari segi kedudukan, digunakan dalam nahu yang betul dan perkataan tersebut mestilah mendapat pengesahan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) terlebih dahulu. Pengesahan online boleh diperolehi melalui laman web <http://www.dbp.gov.my>.
- 5) PENGGUNAAN TULISAN bahasa asing yang lain selain daripada Bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil adalah tidak dibenarkan. Penggunaan tulisan jawi adalah digalakkan.
- 6) Hanya bahasa yang digunakan oleh kaum dan etnik Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia sahaja yang boleh dipaparkan pada iklan yang dipasang dengan kelulusan Majlis.
- 7) Hanya nama sesuatu firma, syarikat atau persatuan sebagaimana yang didaftarkan adalah terdiri dari atau termasuk perkataan yang bukan dalam Bahasa Kebangsaan, adalah tidak perlu untuk diterjemahkan perkataan perkataan itu ke dalam Bahasa Kebangsaan.
- 8) Tiada seorang pun boleh menggunakan di mana-mana bahagian iklan apa-apa perkataan "Halal", "Ditanggung Halal" atau lain-lain perkataan yang menunjukkan bahawa sesuatu makanan atau minuman yang dimaksudkan oleh iklan itu telah diproses, dimasak atau dibuat selain dengan cara yang diluluskan oleh JAKIM.

## **KAEDAH PERMOHONAN**

### **8.0 Cara Permohonan (Manual Atau *Online*)**

- i) Pemohon perlu melengkapkan borang permohonan lesen premis perniagaan tred / iklan / Establisymen Makanan dan Komposit.

### **9.0 Borang Permohonan & Keperluan Dokumen Sokongan**

#### **8.1 Lesen Premis Perniagaan**

- 8.1.1 Borang permohonan lesen premis perniagaan tred / iklan / establisymen makanan dan komposit.
- 8.1.2 Salinan kad pengenalan diri.



- 8.1.3 Perakuan Pendaftaran Syarikat (Borang M / A / Borang 49/24) atau Borang A atau Borang B (Pendaftaran Pertukaran Perniagaan) dan Borang D (Akuan Pendaftaran Perniagaan).
- 8.1.4 Perjanjian Penyewaan Bangunan.
- 8.1.5 Surat Hak Milik Bnagunan.
- 8.1.6 Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) atau Permit Bangunan Sementara.
- 8.1.7 Pelan lantai premis berkenaan.
- 8.1.8 Pelan lokasi premis berkenaan.
- 8.1.9 Surat Sokongan Keselamatan Kebakaran dari Jabatan Bomba Dan Penyelamat (Tuan/Puan dikehendaki menghubungi Jabatan Bomba Dan Penyelamat).
- 8.1.10 2 keping gambar hadapan premis (pandangan jauh) dan 2 keping gambar belakang serta 3 keping gambar bahagian dalam premis (Berwarna).
- 8.1.11 Gambar pemohon (Ukuran Passport).

## **8.2 Lesen Papan Iklan**

- 8.2.1 Pemohon hendaklah mengemukakan satu (1) set visual yang berwarna dengan saiz kertas A4 dan mengikut format ditetapkan seperti berikut:
  - a. Ilustrasi terperinci iklan yang menunjukkan:
    - i) Ukuran Papan Tanda (Unit Meter)
    - ii) Menyatakan aktiviti dalam Bahasa Malaysia
    - iii) Nama syarikat dan nombor pendaftaran syarikat di sudut bawah
    - iv) sebelah kanan
    - v) Nyatakan sama ada iklan berbahaya atau tidak
    - vi) Bilangan sisi/muka perlu mendapat kebenaran jiran sebelah
    - vii) No. Rujukan kelulusan papan tanda hendaklah dipamerkan dibahagian bawah kanan



## **10.0 Bayaran yang dikenakan (Fi & Caj)**

9.1 Caj pemprosesan:-


BIL	CAJ	KADAR
1.	Pemprosesan lesen	RM 50.00
2.	Pertukaran nama syarikat/pemegang lesen	RM 50.00
3.	Salinan gantian lesen	RM 50.00

9.2 Fi (Kadar lesen) seperti di *Lampiran E*




## 11.0 Carta Alir Proses Utama & Piagam Pelanggan


### 1. Proses Pemohonan Lesen Premis Perniagaan (Lesen Tidak Berisiko)



2. Proses Permohonan Lesen Premis Perniagaan (Lesen Berisiko)



3. Proses Permohonan Lesen Iklan Premis



**12.0Keputusan Permohonan (Output)**

11.1 Surat kelulusan premis perniagaan akan dikeluarkan.

**13.0Pembaharuan, Pindaan & Pembatalan (jika ada)**

12.1 Pemohon perlu hadir ke pejabat bersama lesen asal berserta sekeping gambar (ukuran pasport).

**14.0Maklumat proses pembaharuan, pindaan & pembatalan**

- 13.1 Pemohon dikehendaki membuat sebarang pindaan dari segi nama pemegang lesen / nama syarikat / pertambahan jenis jualan sebelum tamat tempoh sah laku lesen.
- 13.2 Pembaharuan lesen sebelum tarikh tamat tempoh lesen premis perniagaan.
- 13.3 Pemohon perlu memaklumkan kepada bahagian perlesenan sekiranya terdapat sebarang pembatalan.



**Lampiran A**

**BORANG PERMOHONAN LESEN TRED/ ESTABLISHMEN MAKANAN/KOMPOSIT**



**MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI  
BANDARAYA PELANCONGAN**

No 009110

**BORANG PERMOHONAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN  
TRED / KOMPOSIT / ESTABLYSMENT MAKANAN**

**PEMOHON HENDAKLAH MENGISI BORANGINI DENGAN JELAS DAN SERTAKAN  
DOKUMEN LENGKAP SEPERTI BERIKUT:-**

1. 1 salinan kad pengenalan pemohon [ ]
2. 1 salinan Perakuan Pendaftaran Syarikat (Borang M / A / Borang 49/24) atau Borang A atau Borang B (Pendaftaran Pertukaran Perniagaan) dan Borang D (Akuan Pendaftaran Perniagaan) [ ]
3. 1 salinan Perjanjian Penyewaan Bangunan [ ]
4. 1 salinan Surat Hak Milik Bangunan [ ]
5. 1 salinan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) atau Permit Bangunan Sementara [ ]
6. 1 salinan pelan lantai premis berkenaan [ ]
7. 1 salinan pelan lokasi premis berkenaan [ ]
8. Surat Sokongan Keselamatan Kebakaran dari Jabatan Bomba Dan Penyelamat (Tuan/Puan dikehendaki menghubungi Jabatan Bomba Dan Penyelamat) [ ]
9. 2 keping gambar hadapan premis (pandangan jauh) dan 2 keping gambar belakang serta 3 keping gambar bahagian dalam premis (Berwarna) [ ]
10. 2 salinan visual Papan Iklan Perniagaan beserta saiz [ ]
11. Lima (5) keping gambar pemohon (Ukuran Passport) [ ]

**GAMBAR PREMIS PERNIAGAAN**

**PIHK MAJLIS HANYA MEMPROSES PERMOHONAN YANG LENGKAP SAHAJA**  
**TINDAKAN DAN ULASAN JABATAN**



MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI  
BANDARAYA PELANCONGAN



## MAKLUMAT PERIBADI PEMOHON

1. Nama Pemohon : \_\_\_\_\_
2. No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_
3. Warna : \_\_\_\_\_
4. Bangsa : \_\_\_\_\_
5. Warganegara : \_\_\_\_\_
6. Tempat Lahir : \_\_\_\_\_
7. No. Telefon : \_\_\_\_\_
8. Alamat Surat Menyurat : \_\_\_\_\_



## MAKLUMAT SYARIKAT (Jika perniagaan dimiliki oleh syarikat)

9. Nama Syarikat Berdaftar : \_\_\_\_\_
10. Alamat Premis Perniagaan : \_\_\_\_\_
11. Tarikh Pendaftaran Perniagaan : \_\_\_\_\_
12. No. Pendaftaran Syarikat / Perniagaan : \_\_\_\_\_
13. Nama Pengurus : \_\_\_\_\_



## MAKLUMAT TAPAK PERNIAGAAN

14. Perniagaan berkaitan dengan :-
- |                       |          |                            |          |
|-----------------------|----------|----------------------------|----------|
| a) Setor / Gudang     | [      ] | b) Pemasaran / Jualan      | [      ] |
| c) Restoran / Gerai   | [      ] | d) Pembuatan / Pemprosesan | [      ] |
| e) Bengkel            | [      ] | f) Pasaraya                | [      ] |
| g) Pejabat Perniagaan | [      ] | h) Lain-lain               | [      ] |

(Nyatakan) : \_\_\_\_\_

15. Nama dan Jenis perniagaan yang hendak dijalankan :-

Bil	Jenis Perniagaan	Keluasan Lantai (M.P.S.)	
		Bil. Bilik / Bil. Unit	



16. Bentuk Perniagaan :-

- a) Persendirian [ ] b) Perkongsian [ ]  
c) Syarikat Kerjasama [ ] d) SDN. BHD. [ ]  
e) Lain-lain (Nyatakan) :

17. Masa Perniagaan : \_\_\_\_\_ Hingga \_\_\_\_\_

18. Tarikh Mula Menjalankan Perniagaan : \_\_\_\_\_

19. Adakah perniagaan yang hendak dijalankan memerlukan lesen / permit khas dari agensi kerajaan lain.

Ya / Tidak (Jika jawapan Ya, sila nyatakan jenis Lesen / Permit dari nama agensi kerajaan yang terlibat)



## MAKLUMAT PREMIS / BANGUNAN PERNIAGAAN

20. Nama Pemilik Premis / Perniagaan : \_\_\_\_\_

21. Alamat Pemilik : \_\_\_\_\_

22. Status Bangunan : Baru / Sedia Ada

23. Tahun Bangunan Siap Di Bina :

24. Surat Kelulusan Pelan Bangunan :

- a) Ada [ ] (Jika ada, sila sertakan salinan)  
c) Tiada [ ]

25. Sijil Layak Menduduki

- a) Ada [ ] (Jika ada, sila sertakan salinan)  
c) Tiada [ ]

26. Jenis Bangunan

- a) Kekal [ ] b) Kekal [ ]  
c) Sementara [ ]

27. Keluasan Lantai Premis / Bangunan : \_\_\_\_\_ X \_\_\_\_\_ meter

